

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**  
**TARIKH : 15 JUN 2015**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah akta khusus untuk mengawal penyalahgunaan ketum akan dibentangkan setelah pembentangan di bawah Akta Dadah Berbahaya yang lepas ditarik balik. Apakah Kementerian akan mengambil kira isu-isu yang dibangkitkan dalam perbahasan yang lepas.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bacaan kali kedua bagi cadangan pindaan ini telah dibentangkan dan dibahaskan di Dewan Rakyat yang bersidang pada 1 April 2015. Namun demikian cadangan pindaan ini ditangguhkan memandangkan terdapat banyak bantahan dari Ahli-ahli Dewan Rakyat berkaitan pindaan yang dicadangkan.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang meneliti isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen dalam pembentangan yang lepas. Satu draf konsep Akta baru yang khusus bagi kawalan ketum termasuk pokok dan daun akan

dicadangkan. Alternatif lain ialah memasukkan peruntukan baru yang khusus bagi ketum ke dalam Akta sedia ada iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234]. Dalam peruntukan baru ini cara kawalan dan peruntukan hukuman bagi kesalahan ketum adalah khusus dan berbeza dengan dengan kesalahan-kesalahan bagi dadah-dadah berbahaya yang lain.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATO' SERI REEZAL MERICAN**  
**BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**  
**TARIKH** : **15 JUN 2015 [ISNIN]**  
**SOALAN** : **72**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berkenaan kemampuan Malaysia menangani ancaman 'cybersecurity' mutakhir ini. Apakah ada insiden di mana keselamatan siber kita diancam oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Malaysia harus bersedia untuk menghadapi ancaman siber yang lebih strategik dan berprofil tinggi. Ancaman keselamatan seperti pengintipan, sabotaj dan jenayah tidak lagi terhad kepada dimensi tradisional, malah telah ada di dimensi siber. Dalam hal ini Malaysia sememangnya sedang mengambil langkah yang lebih proaktif dan bersepadu untuk menangani trend ancaman siber masa kini.

Dengan kebergantungan yang tinggi terhadap penggunaan internet, negara ini memang terdedah kepada pelbagai ancaman siber yang

semakin meningkat mutakhir ini. Justeru, Kerajaan telah mengambil pendekatan keselamatan siber yang menyeluruh bagi memperkuatkan keselamatan siber melalui penggubalan Dasar Keselamatan Siber Negara. Dasar ini merangkumi aspek pentadbiran persekitaran siber, perundangan, kerjasama awam-swasta, pembudayaan dan pembangunan sumber manusia, penyelidikan dan pembangunan serta pematuhan dan penguatkuasaan. Pelaksanaan dasar ini meliputi agensi Kerajaan, pihak industri dan juga masyarakat. Bagi mencapai hasrat ini, kerjasama yang erat dipupuk dalam kalangan sektor awam, pihak industri dan akademia serta golongan pakar dalam usaha menghasilkan penyelesaian yang paling efektif.

Bagi mengenal pasti tahap kesiapsiagaan negara, terutamanya agensi dan organisasi infrastruktur maklumat kritikal negara (CNII) dalam menghadapi pelbagai ancaman dan serangan siber, pihak Majlis Keselamatan Negara dan CyberSecurity Malaysia menganjurkan Latih Amal Krisis Siber Negara (X-MAYA) secara berkala sejak tahun 2008. Latih amal ini secara khusus bertujuan untuk menguji keberkesanan, mengenal pasti jurang serta menambah baik Prosedur Komunikasi, Tindak balas dan Penyelarasan Pengurusan Krisis Siber Negara.

Di samping itu, latihan tersebut juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesedaran di kalangan organisasi dan agensi CNII berhubung kesan insiden siber ke atas keselamatan negara. Latih amal ini telah dijadikan sebagai agenda utama demi

memelihara kewibawaan dan kedaulatan negara di persekitaran siber.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berhubung dengan insiden ancaman keselamatan siber, Malaysia baru-baru ini telah menjadi sasaran kumpulan pengintipan siber yang cuba mencero bohi sistem komputer dan mencuri identiti sasaran melalui *Domain Name System (DNS) Hijacking* terhadap beberapa laman web seperti Google Malaysia dan Malaysia Airlines (MAS). Negara kita juga pernah mengalami serangan siber pada bulan Jun 2011 oleh penggodam "*hacktivist*" yang dikenali sebagai "Anonymous" di mana beberapa laman web Malaysia dilaporkan menjadi mangsa serangan tersebut. Insiden ancaman terhadap negara telah dapat ditangani dengan baik melalui tindakan preventif dan pro-aktif oleh pihak Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta.

Kementerian telah menjalankan penyelidikan dalam bidang keselamatan siber melalui program kolaborasi antara CyberSecurity Malaysia, MIMOS Berhad, universiti dan industri. Program ini membolehkan Malaysia membangunkan teknologi keselamatan yang lebih inovatif agar kita mampu menangani isu ancaman siber dalam jangka masa sederhana dan panjang agar tidak terlalu bergantung dengan teknologi asing.

Sekian, terima kasih.